

NO. SOALAN : 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KETIGA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN  
HAJI MOHD. YASSIN**

**[ PAGOH ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin [ Pagoh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah penyata kewangan FELDA bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 dan 31 Disember 2016 akan dibentangkan di Dewan Rakyat; dan nyatakan sebab-sebab kelewatan pembentangan penyata kewangan FELDA bagi tahun berakhir yang disebutkan .

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA RAZALI BIN IBRAHIM,**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) bagi Tahun 2015 telah dibentangkan di Parlimen pada 6 April 2017 iaitu semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas.

Manakala bagi tahun 2016, laporan berkenaan di peringkat penyediaan untuk dibentangkan di Parlimen dan masih dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Sekian. Terima kasih.